

17/02/2003

Singapura diminta henti tuduhan liar

JOHOR BAHRU: Singapura diminta menghentikan tuduhan liar dan tidak berasas kepada pemimpin negara ini bagi mengelak hubungan keruh berterusan antara kedua-dua negara berjiran itu.

Menteri Luar, Datuk Seri Syed Hamid Albar, berkata tindakan kerajaan republik itu mendakwa Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, sebagai penglipur lara berhubung isu nostalgia dalam cerita pembinaan jambatan baru yang akan menggantikan Tambak Johor, amat mengecewakan.

Beliau berkata, pihaknya tidak akan menghantar surat bantahan berhubung tuduhan berkenaan kerana menganggapnya hanya membuang masa dan sepatutnya

Kementerian Luar republik itu lebih menghormati pemimpin negara lain.

"Apa yang Dr Mahathir cerita pada pertemuan bersama rakyat di sini bukan

cerita tahyul atau karut tetapi kejadian yang benar terjadi. Saya sendiri

mendengar Lee Kuan Yew (Menteri Kanan Singapura) berkata demikian dalam pertemuannya dengan Perdana Menteri dan beliau meminta jambatan itu dibina

selepas 2007.

"Kita mahu hubungan yang baik antara kedua-dua negara. Jika inilah sambutan pemerintah Singapura, ia tidak akan membantu ke arah hubungan selesa antara kedua-dua negara untuk masa kini dan masa depan.

"Saya harap mereka tidak meneruskan tuduhan yang tidak mempunyai asas kepada pemimpin negara ini dan kementerian berkenaan sepatutnya bertanya kepada Lee sendiri untuk mendapatkan pengesahan sama ada dia pernah bercakap mengenai nostalgia itu atau tidak kepada Dr Mahathir," katanya.

Beliau berkata demikian selepas majlis Perasmian Berkelompok Pergerakan Pemuda, Wanita dan Puteri Umno cawangan di Bahagian Johor Bahru di sini, semalam.

Jurucakap Kementerian Luar republik itu dalam satu kenyataan kelmarin berkata: "Perdana Menteri adalah penglipur lara yang menghiburkan. Namun untuk fakta sila rujuk kenyataan Menteri (Luar Singapura) Jayakumar di parlimen dan pertukaran surat kedua-dua pihak."

Rancangan pembinaan jambatan yang bentuknya agak unik itu sudah dimaklumkan kepada Lee pada perbincangan empat mata antara beliau dengan Dr Mahathir tidak lama dulu.

Dr Mahathir juga sudah menunjukkan peta dan pelan cadangan projek pembinaan Kompleks Kastam, CIQ baru serta lukisan rupa bentuk jambatan itu kepada Lee.

Bagaimanapun, Perdana Menteri Goh Chok Tong tidak bersetuju Tambak Johor dirobuhkan kerana mempunyai nostalgia. Namun semalam Goh menjelaskan bersetuju dengan hasrat itu tetapi perlu dibina selepas 2007.

Berhubung pendedahan surat menyurat oleh kerajaan Singapura mengenai pembinaan jambatan baru itu yang didakwanya sebahagian daripada pakej yang akan dibincangkan antara kedua-dua negara, Syed Hamid berkata, ia adalah satu fakta yang cuba diputar belit republik itu.

Beliau berkata, dalam surat yang dihantar kerajaan negara ini kepada republik itu jelas mengatakan pembinaan jambatan baru tidak termasuk dalam pakej yang akan dibincangkan.

"Kita cuma memberitahu mereka kita akan membina jambatan baru sebagai rasa hormat sebagai negara berjiran dan jambatan itu pula perlu disambungkan dengan sebahagian tambak yang terletak di sana.

"Oleh itu, kita bagi tahu mereka. Sebenarnya, tiada persetujuan daripada mereka untuk membina jambatan berkenaan bersama walaupun ada perundingan untuk berbuat demikian dan ia perlu dilaksanakan segera untuk pembangunan di selatan tanah air.

"Bagaimanapun, Singapura memusingkan fakta dengan mendakwa pembinaan jambatan adalah sebahagian daripada pakej dan disebabkan kita mengeluarkannya daripada pakej rundingan, mereka tidak setuju dengannya (pembinaan jambatan baru)," katanya.

Syed Hamid berkata, kerajaan republik itu sengaja membuat tuduhan berkenaan dengan tujuan mengalihkan pandangan rakyatnya daripada masalah yang sebenar mereka hadapi.

Beliau berkata, mereka kini menghadapi masalah kelembapan ekonomi dan cuba mewujudkan hubungan tegang dengan Malaysia bagi mengalihkan tumpuan rakyatnya.

"Kita tidak setuju dengan tindakan mereka menarik Malaysia untuk berkonflik bagi mengalihkan tumpuan rakyatnya kerana kita di sini mempunyai banyak perkara untuk dilakukan bagi memajukan negara ini," katanya.